
ANALISIS KEPERLUAN PEMBINAAN MODUL INTERVENSI KEMAHIRAN ASAS MOTOR DALAM SESI PDPC PENDIDIKAN JASMANI

Needs Analysis For The Development Of Basic Motor Skills Intervention Modules In Physical Education Teaching And Learning (Pdpc) Sessions

Kathiresan Moorthy, Siti Hartini Azmi* & Norhazira Abdul Rahim

Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan, Universiti Pendidikan Sultan Idris,
35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia

*Corresponding: siti.hartini@fsskj.upsi.edu.my

Diterima: 19 Disember 2024; **Disemak semula:** 26 Mei 2025 **Diterima:** 04 Jun 2025; **Diterbitkan:** 17 Jun 2025

To cite this article (APA): Moorthy, K. ., Azmi, S. H. ., & Abdul Rahim, N. . (2025). Analisis keperluan pembinaan Modul Intervensi Kemahiran Asas Motor dalam Sesi PdPC Pendidikan Jasmani. Jurnal Sains Sukan & Pendidikan Jasmani, 14(1), 56-64. <https://doi.org/10.37134/jsspj.vol14.1.7.2025>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/jsspj.vol14.1.7.2025>

Abstrak

Pendidikan Jasmani berperanan penting dalam membentuk dan memperkembangkan aspek psikomotor, afektif, dan kognitif pelajar. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis keperluan pembinaan modul kemahiran asas motor dalam pengajaran Pendidikan Jasmani menggunakan pendekatan *Teaching Games for Understanding* (TGfU). Pendekatan TGfU berfokus pada pembangunan pemahaman dan kemahiran dalam konteks permainan, yang memberikan ruang bagi penguasaan kemahiran asas motor secara berstruktur dan lebih efektif dalam kalangan murid. Seramai 110 orang guru Pendidikan Jasmani dari seluruh Negeri Pahang beberapa sekolah rendah telah dipilih sebagai sampel kajian. Data dikumpulkan melalui soal selidik yang merangkumi 10 pernyataan berkaitan keperluan dalam PdPc Pendidikan Jasmani yang memfokuskan kemahiran asas berlandaskan motor. Data dianalisis secara deskriptif. Analisis statistik menunjukkan min (43.35) dan peratus 91.9 % persetujuan yang tinggi bagi kesemua pernyataan, dengan responden bersetuju akan keperluan modul yang berstruktur dan sistematik untuk meningkatkan kemahiran motor kasar murid. Penemuan ini menyokong keperluan pembinaan modul berasaskan permainan yang dapat mengatasi kekangan PdPc guru dan menyediakan pengalaman pembelajaran yang lebih menyeronokkan dan relevan kepada murid. Modul ini berpotensi memperkaya pengalaman pembelajaran Pendidikan Jasmani serta menggalakkan pembangunan kemahiran motor kasar secara menyeluruh yang akan menyumbang kepada kesihatan fizikal dan mental murid dalam jangka masa panjang.

Kata Kunci: Kemahiran Motor, Pendidikan Jasmani, PdPc, TGfU

Abstract

Physical Education plays an important role in shaping and developing the psychomotor, affective, and cognitive aspects of students. This study aims to analyze the need for building a basic motor skills module in teaching Physical Education using the Teaching Games for Understanding (TGfU) approach. The TGfU approach focuses on developing understanding and skills in the context of games, which provides space for mastering basic motor skills in a structured and more effective way among students. A total of 110 Physical Education teachers from across the State of Pahang in several primary schools were selected as the study sample. Data were collected through a questionnaire that included 10 statements related to the needs in Physical Education PdPc that focus on basic motor skills. The data were analyzed descriptively. Statistical analysis showed a mean (43.35) and a percentage of 91.9% high agreement for all statements, with respondents agreeing on the need for a structured and systematic module to improve students' motor fitness. This finding supports the need for building a TGfU-based module that can overcome the constraints of PdPc and provide a more enjoyable and relevant learning experience for students. This module has the potential to enrich the Physical Education learning experience and promote the development of basic motor skills as a whole, which will contribute to the physical and mental health of students in the long term.

Keywords: Motor Skills, Physical Education, PdPc, TGFU

PENGENALAN

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM, 2024) menekankan perkembangan holistik murid dari pelbagai sudut untuk melahirkan individu yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek, dan sosial (JERIS) selaras dengan falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) (Ahmad et al., 2022; Ismail dan Wahab, 2021; Zainal et al., 2023). Gaya hidup kurang aktif dalam kalangan kanak-kanak menyebabkan perkembangan fizikal dan kecergasan motor terjejas. Berpandukan data SEGAK 2023 dari Jabatan Pendidikan Negeri Pahang menunjukkan, (2023) 92% murid berumur 11 tahun berada pada tahap BMI kritikal, manakala laporan NHMS 2024 mencatatkan 54.4% kanak-kanak Malaysia mengalami berat badan berlebihan sehingga meningkat 3% berbanding tahun 2019. Selain itu, kurangnya penglibatan aktiviti fizikal, seperti dilaporkan dalam Kad Laporan Aktiviti Fizikal Kanak-kanak 2022 (gred D-), menunjukkan hanya 20%-26% kanak-kanak aktif. Faktor ini berpunca daripada kekurangan minat terhadap aktiviti fizikal akibat berat badan berlebihan.

Kementerian Pendidikan Malaysia menekankan pentingnya perkembangan fizikal murid melalui pelbagai strategi pengajaran. DSKP KSSR Pendidikan Jasmani (2017) menuntut kreativiti guru dalam menyediakan pengajaran bervariasi, namun ramai guru menghadapi kesukaran memilih pendekatan yang efektif (Ahmad Fadly Abdul et al., 2024). Kajian mendapati amalan pengajaran Pendidikan Jasmani masih pada tahap sederhana, menyebabkan minat murid terhadap aktiviti fizikal rendah (Som et al., 2020). Nordin, Azli dan Shahrudin (2020) menegaskan bahawa pendekatan yang terlalu formal dan kurang kreatif akan mengurangkan minat murid terhadap subjek ini dan menjadikan pengajaran Pendidikan Jasmani kurang interaktif serta tidak menggembirakan bagi murid. Kaedah pengajaran berpusatkan guru dan kurang kreatif turut menyumbang kepada masalah penguasaan kemahiran motor (Mazuin Adnan dan Shazlin Shahrudin, 2024).

Penguasaan kemahiran asas motor, seperti kemahiran lokomotor dan kawalan objek penting bagi murid sekolah rendah (Lander et al., 2020; Mazuin Adnan dan Shazlin Shahrudin, 2024). Namun, kajian menunjukkan tahap kemahiran ini masih lemah dan tidak selari dengan perkembangan umur (Ariff & Ibrahim, 2017; Leite et al., 2019). Tambahan lagi, kajian Mohamed (2020) juga telah menunjukkan bahawa tahap kemahiran asas motor murid masih lemah dan tidak selari dengan kronologi umur yang sepatutnya (Singh dan Lian, 2018; Asraff dan Halijah, 2017). Aktiviti fizikal yang dilakukan secara berkala dapat memperbaiki perkembangan kemahiran motor pada kanak-kanak (Mazuin Adnan dan Shazlin Shahrudin, 2024). Berdasarkan kajian Ramli et al. (2022), menunjukkan murid-murid di Malaysia kurang didedahkan dengan aktiviti fizikal atau permainan yang menggunakan objek berbentuk manipulatif. Oleh itu, modul pengajaran khas, seperti pendekatan TGFU perlu dibangunkan untuk meningkatkan minat murid terhadap aktiviti fizikal dan menguasai kemahiran asas motor.

METODOLOGI

Kajian ini mengaplikasikan pendekatan kuantitatif dengan menggunakan reka bentuk tinjauan, di mana instrumen soal selidik dipilih sebagai kaedah untuk mengumpul data. Kaedah tinjauan diakui sebagai salah satu pendekatan yang paling popular dalam penyelidikan kerana ia mudah dilaksanakan dan mampu mewakili populasi secara keseluruhan dengan tepat (Ghazali Darusalam & Sufean Hussin, 2018). Dalam kajian analisis keperluan ini, Model Ketidaksesuaian (*discrepancy model*) yang diperkenalkan oleh McKillip (1987) dijadikan sebagai model rujukan. Model ini menggariskan lima langkah penting yang perlu dilalui dalam kajian keperluan, iaitu: 1) mengenal pasti pengguna dan tujuan analisis keperluan, 2) mengenal pasti populasi sasaran, 3) mengenal pasti masalah dan penyelesaian yang diperlukan, 4) menilai kepentingan keperluan, dan 5) menghuraikan hasil analisis keperluan.

Populasi, Kaedah Persampelan & Sampel Kajian

Sampel dalam kajian ini terdiri daripada 110 orang Ketua Panitia Pendidikan Jasmani yang dipilih menggunakan kaedah sampel bertujuan dari 11 daerah di negeri Pahang. Pemilihan sampel ini dibuat berdasarkan tanggungjawab mereka sebagai individu yang mengajar Pendidikan Jasmani dan memudahkan pembelajaran Pendidikan Jasmani serta juga memimpin pelaksanaan ujian kemahiran asas motor di peringkat sekolah. Ini selaras dengan pandangan Creswell & Creswell (2018), yang menekankan bahawa pemilihan sampel perlu melibatkan kumpulan yang mempunyai kemahiran dan pengetahuan yang relevan dengan tujuan kajian. Sampel dipilih secara rawak untuk memastikan representasi yang baik bagi setiap daerah dan soal selidik telah diedarkan melalui e-mel serta aplikasi Telegram yang perlu dilengkapkan dalam tempoh tiga minggu.

Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan soal selidik yang dibangunkan dengan mengadaptasi instrumen sedia ada serta menambah item baru yang dianggap relevan. Berdasarkan pandangan Arumugam et al. (2019), soal selidik adalah sesuai untuk mengumpul maklumat yang diperlukan berkaitan dengan tajuk kajian dan pemboleh ubah yang ingin diukur untuk menarik inferens daripada dapatan kajian. Pendapat ini juga disokong oleh Sidek Mohd Noah dan Jamaludin Ahmad (2005), yang menyatakan bahawa instrumen soal selidik sangat sesuai digunakan dalam kajian analisis keperluan bagi mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh guru dan pelajar di sekolah, dengan tujuan untuk meningkatkan proses pembelajaran.

Soal selidik yang digunakan dalam kajian ini terdiri daripada dua bahagian utama. Bahagian I mengandungi empat item yang berkaitan dengan maklumat demografi responden, termasuk jantina, umur, tahap akademik dan pengalaman mengajar mata pelajaran Pendidikan Jasmani. Sementara itu, Bahagian II terdiri daripada sepuluh item yang fokus kepada keperluan pembinaan program intervensi dalam sesi perkembangan bagi pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) Pendidikan Jasmani. Dalam Bahagian II, terdapat dua item yang berkaitan dengan persepsi dan pandangan guru Pendidikan Jasmani, manakala lapan item lain menekankan keperluan untuk membangunkan program intervensi dalam PdPc, khususnya dalam subjek Pendidikan Jasmani. Soal selidik ini menggunakan skala likert lima mata, yang merangkumi 1) sangat tidak setuju, 2) tidak setuju, 3) tidak pasti, 4) setuju, dan 5) sangat setuju, seperti yang dicadangkan oleh Sullivan dan Artino (2013). Penggunaan skala Likert lima mata ini juga telah diterapkan oleh Azli Ariffin (2018) dan Noor Haffizan Zali, et al., (2024) dalam kajian analisis keperluan yang mereka jalankan.

Instrumen soal selidik ini telah disahkan kandungannya oleh tiga pakar dalam bidang Pendidikan Jasmani. Proses pengesahan ini menggunakan soal selidik kesahan yang diadaptasi daripada kajian Sidek Mohd Noah dan Jamaludin Ahmad (2005). Pemilihan tiga pakar tersebut memenuhi bilangan minimum yang ditetapkan oleh Drost (2011) dan Rubio et al. (2003). Selain itu, kesahan pakar dianalisis menggunakan formula yang dicadangkan oleh Sidek Mohd Noah dan Jamaludin Ahmad (2005). Hasil analisis menunjukkan bahawa soal selidik ini mempunyai tahap kesahan kandungan yang tinggi ($r = 0.95$) dan boleh digunakan untuk mengenal pasti keperluan dalam pembinaan program intervensi bagi sesi pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) Pendidikan Jasmani.

Analisis Data

Data yang dikumpulkan dianalisis menggunakan analisis deskriptif dalam program statistik *IBM SPSS* versi 27. Bahagian I, analisis dilakukan dengan fokus pada kekerapan dan peratus. Sementara itu, Bahagian II menggunakan analisis deskriptif yang melibatkan pengiraan min, sisihan piawai, dan peratus. Tujuan analisis Bahagian II adalah untuk menentukan keperluan dalam pembinaan program intervensi, terutamanya dalam sesi perkembangan dalam pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) Pendidikan Jasmani.

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian analisis keperluan yang dipaparkan dalam Jadual 1 menunjukkan bahawa sampel terdiri daripada 64 orang guru lelaki (58.1%) dan 46 orang guru perempuan (41.8%). Majoriti responden berumur antara 41 hingga 50 tahun, dengan 40 orang (36.4%) dalam kategori ini, diikuti oleh 39 orang (35.5%) yang berumur antara 31 hingga 40 tahun. Terdapat 23 orang (20.9%) berumur antara 21 hingga 30 tahun, dan 8 orang (7.3%) berumur 21 tahun ke atas. Dari segi kelayakan akademik, 83 orang (75.5%) responden memiliki Ijazah Sarjana Muda, 26 orang (23.6%) memiliki Ijazah Sarjana, dan hanya seorang (0.9%) memiliki Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Pendidikan Jasmani atau Sains Sukan. Mengenai pengalaman mengajar, 11 orang (10%) mempunyai pengalaman antara 1 hingga 5 tahun, 28 orang (25.5%) antara 6 hingga 10 tahun, dan 33 orang (30%) antara 11 hingga 15 tahun. Selain itu, 19 orang (17.3%) mempunyai pengalaman antara 16 hingga 20 tahun, dan jumlah yang sama (17.3%) melaporkan pengalaman mengajar selama 21 tahun ke atas. Penemuan ini memberikan gambaran menyeluruh tentang latar belakang demografi dan kelayakan akademik pengajar dalam Pendidikan Jasmani.

Jadual 1: Analisis Statistik Deskriptif Bahagian I: Demografi Sampel

Perkara	Frekuensi	Peratus (%)
Jantina		
Lelaki	64	58.1
Perempuan	46	41.8
Umur		
21-30 tahun	23	20.9
31-40 tahun	39	35.5
41-50 tahun	40	36.4
51 tahun ke atas	1	7.3
Kelayakan Akademik		
Ijazah Sarjana Muda	83	75.5
Ijazah Sarjana	26	23.6
Doktor Falsafah	1	0.9
Pengalaman Mengajar		
1-5 tahun	11	10
6-10 tahun	28	25.5
11-15 tahun	33	30
16-20 tahun	19	17.3
21 tahun ke atas	19	17.3

Dapatan yang dipaparkan dalam jadual 2 menunjukkan kebolehan responden untuk bersetuju dengan pelbagai pernyataan berkaitan kecergasan motor dalam konteks pengajaran dan pembelajaran (PdPc) Pendidikan Jasmani. Secara keseluruhan, min bagi semua pernyataan adalah tinggi, menunjukkan persetujuan yang kuat terhadap pentingnya aspek kecergasan motor dalam pendidikan. Pernyataan mengenai perlunya ujian kecergasan motor yang komprehensif memperoleh min tertinggi (4.45) dengan 94.6% responden bersetuju. Ini menunjukkan kesedaran tentang pentingnya pengukuran yang tepat

untuk mengenal pasti tahap kecergasan motor murid. Kecergasan motor juga dianggap dapat ditingkatkan melalui pengaturan sistematik dalam PdPc seperti yang dinyatakan dalam pernyataan kedua yang mempunyai min 4.32 dan peratus bersetuju 93.6%. Kekurangan peralatan khas untuk aktiviti yang memerlukan kemahiran motor pula mendapat perhatian dengan min 4.32 dan 88.2% bersetuju, menunjukkan bahawa infrastruktur yang memadai adalah penting untuk keberkesanan PdPc. Pernyataan mengenai sesi PdPc yang disusun secara sistematik selama 30 minit dua kali seminggu mencatatkan min 4.14, dengan 85.5% bersetuju, menekankan betapa pentingnya struktur dalam sesi pembelajaran. Aktiviti yang menekankan kemahiran motor seperti koordinasi dan keseimbangan juga mendapat sokongan tinggi (min 4.37, 91.8%), dan pelaksanaan ujian kemahiran motor secara berkala dianggap penting untuk menilai perkembangan murid (min 4.26, 90%). Kesemua pernyataan menunjukkan bahawa responden percaya bahawa perancangan yang teliti dalam PdPc dapat meningkatkan kemahiran asas dan kecergasan fizikal murid dengan min pernyataan berkaitan perancangan rapi dan kecergasan berlandaskan kemahiran motor masing-masing adalah 4.39 dan 4.38, dengan peratus bersetuju 93.6% dan 94.6%. Penemuan ini menekankan kepentingan pengintegrasian kemahiran motor dalam PdPc Pendidikan Jasmani untuk meningkatkan prestasi murid secara keseluruhan.

Jadual 2: Analisis Statistik Bahagian II: Keperluan Pembinaan Modul dalam PdPc Pendidikan Jasmani untuk Meningkatkan Tahap Kecergasan motor Murid.

Item	Min	Sisihan Piawai	Peratus Bersetuju (%)
Ujian kecergasan motor yang komprehensif perlu diperluaskan untuk mengukur aspek kemahiran motor dalam mengenal pasti tahap kecergasan motor murid dengan lebih berkesan.	4.29	.828	93.6
Kecergasan motor dapat ditingkatkan jika sesi pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) Pendidikan Jasmani diatur dengan lebih sistematik selepas ujian fasa pertama yang memberi fokus kepada kemahiran motor murid.	4.32	.777	93.6
Kekurangan peralatan khas untuk aktiviti yang memerlukan kemahiran motor menyebabkan sesi PdPc Pendidikan Jasmani tidak dapat meningkatkan kecergasan motor murid secara optimum.	4.32	.867	88.2
Sesi PdPc Pendidikan Jasmani yang melibatkan kemahiran motor, sekiranya disusun secara sistematik selama 30 minit, 2 kali seminggu, mampu untuk meningkatkan kecergasan motor murid dengan ketara.	4.14	.933	85.5
Aktiviti yang menekankan kemahiran motor seperti koordinasi mata-tangan dan keseimbangan dapat membantu meningkatkan tahap kecergasan fizikal murid secara menyeluruh.	4.37	.844	91.8
Pelaksanaan ujian kemahiran motor secara berkala dalam PdPc Pendidikan Jasmani penting untuk menilai perkembangan kecergasan fizikal murid dengan lebih tepat.	4.26	.774	90
Murid dengan tahap kecergasan motor yang baik biasanya menunjukkan prestasi yang lebih tinggi dalam aktiviti sukan dan rekreasi.	4.45	.750	94.6
Perancangan yang rapi dalam PdPc Pendidikan Jasmani untuk menggabungkan elemen kemahiran motor akan membantu meningkatkan perkembangan kemahiran asas dan kecergasan fizikal murid.	4.39	.825	93.6

bersambung

Kecergasan berlandaskan kemahiran motor seperti kelincahan dan koordinasi sangat penting untuk perkembangan fizikal dan mental murid dalam jangka masa panjang.	4.38	.742	94.6
PdPc Pendidikan Jasmani yang memberi fokus kepada latihan kemahiran motor dapat membantu murid menguasai kemahiran pergerakan asas dengan lebih cepat dan efisien.	4.43	.772	93.6

PERBINCANGAN

Hasil kajian ini menunjukkan bahawa terdapat keperluan yang signifikan untuk membangunkan modul intervensi kemahiran asas motor dalam sesi pengajaran dan pembelajaran (PdPc) Pendidikan Jasmani, khususnya untuk menangani kelemahan murid dalam aspek imbalan, koordinasi, dan ketangkasan. Aspek-aspek ini merupakan asas kepada perkembangan psikomotor, afektif dan kognitif murid secara menyeluruh. Kajian oleh Logan et al. (2018) dan Fu et al. (2017) telah membuktikan bahawa murid yang mengikuti program berstruktur menunjukkan peningkatan ketara dalam kemahiran motor asas, tahap kecergasan fizikal dan motivasi untuk terlibat dalam aktiviti fizikal. Dapatan ini turut disokong oleh McQuinn et al. (2022) serta Kilue dan Muhamad (2017) yang menekankan keperluan pendekatan sistematik dalam pembangunan kemahiran motor kasar. Dalam konteks Malaysia, Mohamad Khannas (2022) menekankan pentingnya modul intervensi yang berasaskan perkembangan untuk memastikan keberkesanan PdPc yang inklusif dan berpusatkan murid. Seiring itu, pelaksanaan modul perlu berlandaskan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Pendidikan Jasmani, selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013–2025 yang menekankan pembangunan modal insan secara holistik (KPM, 2013). Pendekatan pengajaran seperti *Teaching Games for Understanding* (TGfU) pula disyorkan bagi memastikan keberkesanan PdPc, seperti yang dinyatakan oleh Wintle (2022) dan disokong oleh Siti Nor Aiesah (2023), yang mencadangkan penggabungan TGfU dalam modul kemahiran permainan untuk mempertingkatkan pemahaman dan teknik pengajaran guru dalam menerapkan kemahiran asas.

Tambahan pula, modul yang dirancang secara menyeronokkan dan bersesuaian dengan peringkat umur murid didapati berupaya merangsang minat, memperkukuh kemahiran motor dan mengoptimumkan fungsi otot (Silva et al., 2018; Altavilla et al., 2018). Kajian Copetti et al. (2022) menunjukkan bahawa murid lingkungan usia berumur 10 tahun lebih bersedia untuk melaksanakan kemahiran motor kasar secara cekap apabila program yang dilaksanakan mengambil kira tahap perkembangan sebenar murid. Kajian tempatan oleh Mazuin Adnan dan Shazlin Shahrudin (2024) turut membuktikan bahawa keberkesanan latihan berstruktur yang disesuaikan dengan kebolehan fizikal dan umur murid memberi kesan positif terhadap peningkatan prestasi motor dan keseimbangan dinamik. Ini selari dengan dapatan kajian semasa yang menunjukkan wujudnya hubungan signifikan antara umur kronologi yang dikira tepat (hingga ke bulan dan hari) dengan skor *Test Gross Motor Development* (TGMD-3) murid, yang mencerminkan tahap perkembangan motor kasar yang lebih tinggi seiring peningkatan umur sebenar. Pandangan Ulrich (2019) menyatakan bahawa aktiviti fizikal yang disesuaikan mengikut umur mampu meningkatkan kemahiran motor kasar dan sosial, termasuk kemahiran seperti berlari, melompat dan menangkap yang merangsang perkembangan fizikal serta interaksi sosial. Kajian Sallis et al. (2012) menekankan peranan aktiviti fizikal teratur dalam memperbaiki kemahiran motor kasar dan aspek sosial seperti kerjasama, manakala Bower et al. (2008) pula melihat kepada pembinaan keyakinan diri dan kemahiran sosial melalui aktiviti fizikal mengikut umur. Kajian terkini oleh Logan et al. (2018) menyatakan bahawa latihan motor berasaskan umur yang dilaksanakan secara sistematik bukan sahaja meningkatkan prestasi fizikal murid sekolah rendah, malah membantu memperkukuh disiplin sendiri dan sikap positif terhadap aktiviti jasmani. Oleh itu, pendekatan berasaskan perkembangan yang disokong oleh modul intervensi yang sistematik dan holistik bukan sahaja penting dalam penguasaan kemahiran motor kasar, tetapi juga mampu menangani

isu obesiti dan kekurangan penyertaan murid dalam aktiviti fizikal secara aktif dalam PdPc Pendidikan Jasmani masa kini.

Kesimpulan

Analisis deskriptif menunjukkan bahawa purata (min) responden adalah 43.35 dengan peratusan tinggi iaitu 91.9% yang bersetuju dengan semua pernyataan. Ini menunjukkan bahawa responden mengakui pentingnya modul yang terstruktur dan sistematik untuk meningkatkan kecergasan motor pelajar. Penemuan ini mengesahkan keperluan untuk membangunkan modul berasaskan TGfU yang dapat mengatasi cabaran dalam pengajaran dan pembelajaran serta memberikan pengalaman pembelajaran yang lebih menarik dan relevan kepada pelajar. Kajian ini dijangka memberikan manfaat kepada semua pihak berkepentingan, terutama murid dan guru dalam pelaksanaan PdPc Pendidikan Jasmani. Dapatan menunjukkan bahawa guru menyedari pentingnya sesi pengajaran dan pembelajaran (PdPc) dalam meningkatkan kecergasan fizikal dan kemahiran motor murid. Oleh itu, kajian ini diharapkan menjadi penanda aras dalam pembinaan program PdPc yang selaras dengan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP). Kajian terkini oleh Haegele dan Zhu (2020) menunjukkan bahawa pengintegrasian kemahiran motor dalam PdPc dapat meningkatkan motivasi dan keterlibatan murid. Selain itu, O'Brien et al. (2021) menekankan bahawa program yang terancang dapat meningkatkan kecergasan fizikal dan kesejahteraan mental. Dengan modul intervensi yang berfokus pada kemahiran asas motor, diharapkan keberkesanan PdPc dapat ditingkatkan dan memberikan impak positif kepada perkembangan holistik murid.

RUJUKAN

- Ahmad Fadly Abdul, Razali, R., & Amran, S. (2024). Hubungan faktor guru dan persekitaran dengan pembelajaran Pendidikan Jasmani: Satu tinjauan di sekolah menengah pendalaman Sabah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 9(1), 1-12.
- Ahmad, N. A., Rahman, M. N. A., & Musa, A. H. (2022). The role of physical education in promoting holistic student development: An alignment with the National Education Philosophy. *Journal of Physical Education Research*, 9(2), 105-117.
- Altavilla, G., Raiola, G., & Tafuri, D. (2018). Physical activity and sports sciences between European research and scientific networks. *Journal of Human Sport and Exercise*, 13(2), 283-295.
- Ariff, A. H., & Ibrahim, Z. M. (2017). Integrating physical education into a holistic development approach for students. *Journal of Education and Practice*, 8(3), 56-65.
- Arumugam, K., et al. (2019). The role of social media in education. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 9(4), 132-136.
- Asraff, A. M., & Halijah, H. (2017). Perbandingan perkembangan kemahiran motor kasar kanak-kanak berdasarkan umur kronologi. *Jurnal Sains Sukan dan Pendidikan Jasmani*, 9(1), 55-64.
- Azli Ariffin. (2018). Reka bentuk model aktiviti penggunaan lagu kanak-kanak melayu tradisional untuk peningkatan imajinas-kreatif pra sekolah. Universiti Malaya.
- Bower, J. K., Hales, D. P., Tate, D. F., & Benjamin, S. (2008). The relationship between physical activity, self-esteem, and social functioning in adolescents. *Journal of Adolescence*, 31(6), 759-775.
- Copetti, F., Wiethan, F. M., & de Oliveira, A. R. (2022). Age and development of fundamental motor skills: A cross-sectional study in children. *Journal of Physical Education and Sport*, 22(3), 794-800.
- Creswell, J. W., & Creswell, J. D. (2018). Research design: qualitative, quantitative and mixed methods approaches (5th ed.). SAGE Publications Ltd.
- Drost, E. A. (2011). Validity and reliability in social science research. *Education Research and Perspectives*, 38(1), 105-123.
- Fu, Y., Burns, R. D., Brusseau, T. A., & Hannon, J. C. (2017). Effect of a 12-week classroom-based physical activity program on children's motor skills and executive function. *Journal of Physical Activity and Health*, 14(9), 692-698.
- Ghazali Darusalam, & Sufean Hussin. (2018). Metodologi penyelidikan dalam pendidikan: Amalan dan analisis kajian (2nd ed.). Penerbit Universiti Malaya.

- Haeghele, J. A., & Zhu, X. (2020). The importance of physical education for students with disabilities: A review of the literature. *International Journal of Physical Education, Fitness and Sports*, 9(1), 1-10.
- Ismail, M. A., & Wahab, N. A. (2021). Holistic student development through integrated physical education practices. *Malaysian Journal of Education and Human Development*, 9(2), 25-34.
- Jabatan Pendidikan Negeri Pahang. (2023). Laporan Tahunan Jabatan Pendidikan Negeri Pahang 2023. Jabatan Pendidikan Negeri Pahang.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan pembangunan pendidikan Malaysia 2013-2025*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan Tahun 4. Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2024). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kilue, D., & Muhamad, T. A. (2017). Penerapan kemahiran motor kasar dalam pendidikan jasmani sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 42(2), 65-72.
- Lander, N. J., Eather, N., Morgan, P. J., Salmon, J., & Barnett, L. M. (2020). Developing children's physical literacy: How well prepared are prospective teachers? *Australian Journal of Teacher Education*, 44(6), 53-68. Retrieved from ERIC database
- Leite, N., Mesquita, I., & Sampaio, J. (2019). The importance of fundamental movement skills for sports performance. *Sports Science Review*, 18(2), 83-95.
- Logan, S. W., et al. (2018). Fundamental motor skill interventions in primary school children: A systematic review. *Physical Education and Sport Pedagogy*, 23(6), 609-622.
- Logan, S. W., Webster, E. K., Getchell, N., Pfeiffer, K. A., & Robinson, L. E. (2018). Relationship between fundamental motor skill competence and physical activity during childhood and adolescence: A systematic review. *Kinesiology Review*, 7(3), 295-309.
- Mazuin, A., & Shazlin, S. (2024). Pendidikan Jasmani dan Perkembangan Motor Kana-Kanak di Malaysia. Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- McKillip, J. (1987). *Need Analysis: Tools for the Human Services and Education*. California: Sage Publication, Inc
- McQuinn, R., Logan, S. W., & Robinson, L. E. (2022). Structured physical activity programs and development of motor skills in early childhood: A meta-analysis. *Early Childhood Research Quarterly*, 61, 144-154.
- Mohamad Khannas, T. M. (2022). Keberkesanan modul intervensi kemahiran motor asas terhadap perkembangan motor kasar murid tahun satu. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan*, 9(1), 59-68.
- Mohamed, A. M. D. (2020). Kesan tahap pelaksanaan Pendidikan Jasmani terhadap perkembangan motor kasar kanak-kanak dalam kalangan 7 hingga 9 tahun di Selangor, Malaysia (Tesis sarjana tidak diterbitkan). Universiti Putra Malaysia.
- National Health Institute, & Active Healthy Kids Malaysia. (2022). Malaysia's 2022 Report Card on Physical Activity for Children and Adolescents. Active Healthy Kids Malaysia.
- Nordin, A., Azli, N. M., & Shaharudin, N. A. (2020). Understanding the role of knowledge management in fostering student engagement: A perspective from Malaysian universities. *International Journal of Innovation, Creativity and Change*, 13(1), 159-172.
- O'Brien, J., O'Connor, J., & O'Sullivan, M. (2021). The impact of structured physical education programs on student engagement and well-being. *Journal of Physical Education and Sport*, 21(3), 1234-1245.
- Ramli, M. N., Ibrahim, Z. M., & Shamsuddin, S. N. (2022). Evaluating the impact of physical literacy programs on student engagement. *International Journal of Education Development*, 42(1), 87-101.
- Rubio, D. M., Berg-Weger, M., Tebb, S. S., Lee, E. S., & Rauch, S. (2003). Objectifying content validity: Conducting a content validity study in social work research. In *Social Work Research* (Vol. 27, Issue 2).
- Sallis, J. F., Prochaska, J. J., & Taylor, W. C. (2012). A review of correlates of physical activity of children and adolescents. *Medicine & Science in Sports & Exercise*, 42(3), 517-527.
- Sidek Mohd Noah, & Jamaludin Ahmad. (2005). *Pembinaan modul: Bagaimana membina modul latihan dan modul akademik*. Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Singh, R., & Lian, T. K. (2018). Physical fitness and motor skill performance among Malaysian school children. *Asian Journal of Physical Education & Recreation*, 24(2), 15-24.
- Siti Nor Aiesah Udin, (2023). Pengetahuan, kemahiran dan sikap guru dalam pelaksanaan Teaching Games for Understanding (TGfU) untuk bidang kemahiran permainan Pendidikan Jasmani (Tesis sarjana/PhD, UPSI) Universiti Pendidikan Sultan Idris.

- Som, M. F. M., Ghani, M. F. A., Jamaluddin, S., Ali, S. K. S., & Seman, M. (2020). Model Amalan Penaakulan Pedagogi Dan Tindakan Pengajaran: Satu Kajian Guru Pendidikan Jasmani Sekolah Menengah. *JuPiDi: Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 7(2), 71-93.
- Sullivan, G. M., & Artino, A. R. (2013). Analyzing and interpreting data from Likert-type scales. *Journal of Graduate Medical Education*, 5(4), 541–542.
- Ulrich, D. A. (2019). *Test of Gross Motor Development (TGMD-3): Examiner's manual*. Pearson Education.
- Wintle, A. (2022). Physical Activity and Health in Children: A Review of the Evidence. *Journal of Child Health*, 10(3), 150-160. DOI: 10.1016/j.jch.2022.05.003.
- Wintle, G. (2022). Enhancing learning in physical education through TGfU. *International Journal of Physical Education Pedagogy*, 5(1), 23–37.
- Zainal, N. M., Hamzah, R., & Shamsudin, N. S. (2023). Implementing physical literacy among school children: Challenges and recommendations. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 48(1), 87–97.
- Zali, N. H., Azmi, S. H., & Mat Rasid, S. M. (2024). Need analysis for the intervention programme development in body warm up session during Physical Education learning and facilitation. *Jurnal Sains Sukan & Pendidikan Jasmani*, 13(1), 38–45.